

13/05/2002

Pemuda pastikan sembilan resolusi penuhi tujuan asal

PEMUDA MIC meluluskan sembilan resolusi di akhir perhimpunan agungnya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, pergerakan berkenaan akan menghantar memorandum bagi memastikan agensi serta kementerian terbabit mengambil tindakan susulan terhadap usul berkenaan.

Ketua Pemuda MIC, S A Vigneswaran, berkata pendekatan itu diambil bagi memastikan resolusi yang diluluskan itu memenuhi tujuan asal dan membawa perubahan yang dirasakan dapat dicapai apabila diperbahaskan.

"Jika kita lihat resolusi tahun lalu, sebahagian besarnya tidak dilaksana, malah ada yang tidak dilakukan tindakan susulan langsung dan usul berkenaan hanya sekadar nama tetapi pada hakikatnya tidak memanfaatkan sesiapa.

"Kita tidak mahu ini berulang lagi dan Pemuda MIC bertindak menubuhkan beberapa jawatankuasa bagi menangani usul resolusi kali ini dan mereka bertanggungjawab melakukan segala tindakan susulan yang perlu bagi memastikan matlamatnya dilaksana," katanya sebelum pembentangan resolusi berkenaan pada Perhimpunan Agung Pemuda MIC, di ibu negara semalam.

Usul pertama merakamkan sokongan penuh terhadap kepimpinan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu diikuti usul kedua menggesa kerajaan memulakan usaha yang diperlukan bagi menambah kakitangan bukan Melayu, khususnya berketurunan India, dalam sektor awam.

Usul ketiga pula ditujukan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, meminta beliau mengusahakan supaya peluang mengisi kekosongan 20,000 anggota polis yang diumumkan tidak lama dulu, dibuka kepada belia India.

Usul keempat menyentuh pengambilan pelajar India ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang disifatkan amat rendah iaitu hanya 1,530 orang pada tahun ini. Sehubungan itu, Pemuda MIC meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem kemasukan berdasarkan merit.

Usul kelima pula mengesyorkan supaya Kementerian Pendidikan mengubah jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang lazimnya diadakan semasa perayaan Deepavali.

Berdasarkan peranan MIC membantu kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Ketari dan Indera Kayangan, usul keenam meminta kerajaan mempertimbangkan penambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk calon partiitu.

Usul ketujuh pula mengenai usaha kerajaan menambah ekuiti masyarakat India kepada tiga peratus. Pemuda MIC meminta kerajaan menyelaras program yang bersesuaian bagi melatih lebih banyak usahawan muda.

Usul kelapan pula merakamkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana sudah melakukan langkah permulaan dengan menggariskan peningkatan ekuiti kaum India daripada 1.5 peratus kepada tiga peratus dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3).

Akhir sekali, usul kesembilan adalah mengenai pembinaan kuil di mana tindakan kerajaan memutuskan bahawa tapak kuil hanya akan diluluskan sekiranya ada 2,600 keluarga Hindu menetap di sesuatu kawasan.

(END)